

NOTIS MENURUT AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Notis Perlindungan Data Peribadi ini dikeluarkan kepada semua pelanggan, bakal pelanggan selaras dengan keperluan Data Perlindungan Akta 2010 (“Akta”) yang telah berkuatkuasa secara efektif pada 15.11.2013. Notis ini menerangkan bagaimana Crescendo Corporation Berhad [Company No: 359750-D] dan anak-anak syarikat dan/atau kumpulan-kumpulan syarikat-syarikatnya yang berkaitan dalam definisi Akta Syarikat, 1965 (“Crescendo”) menggunakan data peribadi anda.

Bagi maksud Notis bertulis ini, terma "data peribadi" dan "pemprosesan" hendaklah mempunyai sama ertinya seperti yang telah ditetapkan dalam Akta.

1. Notis bertulis ini dan terma-terma yang berkaitan dengannya (“Notis”) berfungsi untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak Crescendo dan data peribadi anda telah atau mungkin akan dikumpulkan pada masa hadapan, daripada maklumat yang anda berikan kepada kami dalam Borang Data Peribadi anda, Borang Tempahan, atau apa-apa borang yang serupa dengannya atau apa-apa borang sekiranya diperlukan oleh kami (secara kolektif dirujuk sebagai “Borang tersebut”) yang anda diminta melengkapkan, bersama-sama dengan lain-lain maklumat yang kami perolehi tentang anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor passport, nombor telefon, alamat, alamat e-mel, nombor telefon bimbit, butiran kad kredit, wasi, maklumat pekerjaan, butir-butir ganjaran, maklumat bank, butir-butir Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, butir-butir cukai pendapatan dan data peribadi lain yang setara dan maklumat lain seperti yang diminta di mana-mana Borang tersebut yang diberikan kepada anda atau melalui ejen-ejen yang ditetapkan oleh kami yang telah dilengkapkan oleh anda termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi seperti yang ditakrifkan di bawah Akta sebagai data peribadi.
2. Kami akan memproses data peribadi anda termasuk maklumat tambahan yang akan diberikan kepada kami, bagi tujuan pelaksanaan kontrak dimana anda adalah pihak, dengan mengambil langkah-langkah atas permintaan anda dengan tujuan untuk dimasukkan ke dalam kontrak dan bagi pematuhan dengan mana-mana kewajipan undang-undang yang anda tertakluk kepada dan bagi menjalankan apa jua fungsi yang diberikan kepada kami atau mana-mana pihak di bawah undang-undang atau yang ditetapkan oleh apa jua undang-undang.
3. Sekiranya anda gagal atau kegagalan untuk membekalkan kepada kami data peribadi di atas dengan tepat, kami kemungkinan tidak dapat memproses data peribadi anda untuk mana-mana tujuan di bawah. Di samping itu, jika sekiranya anda kemudiannya menarik balik kebenaran tersebut daripada kami untuk memproses data peribadi anda, kami kemungkinan tidak dapat memproses data peribadi anda untuk semua tujuan di bawah yang di mana akan memberikan kesan negatif dalam pematuhan semua terma-terma dan syarat-syarat perjanjian di antara kami dengan baik, dan dalam perkhidmatan kami kepada anda yang bertujuan untuk penyempurnaan dan pelaksanaan tanggungjawab anda sebagai seorang pembeli.
4. Untuk memproses permohonan pembelian anda dan kemudiannya terus melaksanakan perjanjian-perjanjian kontrak yang ditandatangani atau akan ditandatangani di antara anda dan Crescendo, kami kemungkinan perlu untuk mendedahkan data peribadi anda kepada pihak luar yang lain, syarikat dalam kumpulan Crescendo, badan-badan kerajaan dan badan-badan berkanun, institusi bank, penyumberan luar sebagai pihak kami, ejen-ejen kami, pekerja-pekerja kami dan pihak profesional yang dilantik oleh kami.

5. Penyediaan data peribadi anda adalah secara sukarela apabila anda melengkapkan Borang tersebut dan anda bersetuju dan membenarkan kami menggunakan dan memproses data peribadi anda mengikut cara yang dikenal pasti dalam Notis ini.
6. Maklumat peribadi anda mungkin dipindahkan, diakses atau didedahkan kepada pihak ketiga untuk tujuan yang dinyatakan di atas. Di samping itu, data peribadi anda mungkin akan dikongsi bersama yang berkaitan dengan urusan niaga korporat, seperti penjualan anak syarikat atau pembahagian, penggabungan, penyatuan atau penjualan aset atau sekiranya dalam ketidakmungkinan berlakunya penggulungan. Maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan ke lokasi di luar Malaysia bagi tujuan tersebut diatas.
7. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi anda dikemaskini. Tertakluk kepada mana-mana pengecualian di bawah undang-undang, anda boleh mengakses dan meminta pembetulan maklumat peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda dengan menghubungi kakitangan yang ditetapkan seperti berikut:

Pegawai Jualan dan Pemasaran
E-mel: sales@crescendo.com.my
Tel: +6072248316
Faks: +6072232562

Kami berhak untuk menukar Notis ini dari masa ke semasa. Anda boleh dari masa ke semasa meneliti Notis ini di laman web kami untuk mendapat maklumat lanjut bagaimana kami melindungi data peribadi anda.